

TENIS BERPASUKAN

1.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Persekutuan Tenis Antarabangsa. Undang-Undang dan Peraturan Persekutuan Tenis Malaysia dan Peraturan-Peraturan Am Karnival Sukan Mahasisiwa UiTM (KARISMA).

2.0 JENIS PERMAINAN

Pertandingan dijalankan secara BERPASUKAN CAMPURAN.

3.0 FORMAT PERTANDINGAN

3.1 Tiap-tiap pasukan mengandungi 6 orang pemain iaitu 4 orang pemain lelaki dan 2 orang pemain wanita.

3.2 Seorang pemain dibenarkan bermain dalam satu acara sahaja.

3.3 Susunan perlawanan sesuatu pertandingan (tie) adalah seperti berikut:

3.3.1 Perseorangan Lelaki

3.3.2 Bergu Lelaki

3.3.3 Bergu Campuran

3.4 Senarai nama mengikut susunan perlawanan hendaklah diserahkan kepada Pengadil Kehormat lima belas (15) minit sebelum sesuatu pertandingan dimulakan.

3.5 Sebarang gantian tidak dibenarkan selepas perlawanan dimulakan.

4.0 PERALATAN

Bola tenis jenis 'Dunlop Fort' dan kelengkapan sukan yang ditetapkan oleh Ahli Jawatankuasa Teknikal akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.

5.0 SISTEM PERTANDINGAN

5.1 Sila rujuk Perkara 9.0 Peraturan Am

5.2 Pertandingan dari peringkat awal hingga peringkat suku akhir akan dijalankan secara pro set (8). Jika kedudukan 8-8 sama, game berikutnya adalah 'tie break' untuk menjadikan kedudukan 9-8. Jika kedudukan 7-7 perlawanan akan diteruskan sehingga 9-7.

5.3 Pertandingan peringkat separuh akhir dan akhir akan dijalankan melalui kiraan 2 + 1 super Tie Brake.

- 5.4** Pada peringkat awal sehingga suku akhir, pengadil yang disediakan adalah secara "Rooming Empire" Pengadil perlawanan hanya akan disediakan di peringkat separuh akhir dan akhir sahaja.
- 5.6** Semua perlawanan akan dijalankan mengikut sistem giliran. Pemain perlu mengetahui nombor perlawanannya, tempat dan nombor gelanggang yang telah ditetapkan.

6.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KUMPULAN

6.1 Cara memberi mata:

- Menang - 2 mata
- Kalah - 0 mata

6.2 Jika dua atau lebih Pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:

- 6.2.1** Pasukan yang memenangi bilangan set yang terbanyak dikira menang (set difference).
- 6.2.2** Jika masih seri pasukan yang memenangi bilangan perlawanan yang terbanyak dikira menang (game difference).
- 6.2.3** Jika masih seri, pasukan yang mendapat perbezaan mata yang terbanyak dikira menang (point difference).
- 6.2.4** Jika masih seri lagi, pasukan yang pernah mengalahkan lawannya dikira menang.
- 6.2.5** Jika tiga atau lebih pasukan masih seri, pasukan yang mendapat jumlah mata permainan terbanyak dikira menang.

7.0 PENARIKAN DIRI DAN MENYERAH KALAH/PEMAIN GANTIAN

- 7.1** Pertukaran Pemain hanya boleh dibuat semasa mesyuarat pengurus pasukan
- 7.2** Setiap pasukan dimestikan menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh dengan sengaja memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan yang akan atau sedang berlansung. Setiap pasukan dikehendaki meneruskan permainan walaupun telah layak untuk pusingan seterusnya.
- 7.3** Jika berlaku kecederaan sebelum dan semasa perlawanan dan pasukan / individu terlibat memberi kemenangan kepada pihak lawan pemain yang cedera mestilah mendapat pengesahan daripada pegawai perubatan yang disediakan oleh tuan rumah / jawatankuasa pengelola dan tidak dibenarkan untuk bermain pada peringkat seterusnya.
- 7.4** Pemain yang menarik diri, menyerah kalah akan dikira kalah dengan kedudukan 8-0 ataupun 6-0, 6-0.

8.0 UNDIAN

Undian akan diadakan oleh Jawatankuasa Pengelola dan hendaklah dihadiri oleh sekurang-kurangnya tiga (3) kampus cawangan.

9.0 PAKAIAN

Pakaian yang sesuai dengan permainan tenis yang sopan dan sempurna.

10.0 KELEWATAN

Semua pemain hendaklah melaporkan diri kepada Pengadil Kehormat setelah namanya diumumkan untuk bermain. Masa selama lima (5) minit sahaja diberikan kepada pemain yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberikan kemenangan percuma.

11.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN

Sekiranya pengadil berpendapat bahawa gelanggang tidak sesuai, keadaan cuaca buruk, kekacauan, rusuhan atau kerana hal-hal yang dijangkakan dan perlawanan tidak dapat dimainkan atau diteruskan, maka perlawanan yang ditunda atau diberhentikan hendaklah dilangsungkan pada, tempat dan masa yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola.

12.0 BANTAHAN

Sila rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am.

13.0 JURI RAYUAN

Sila rujuk Perkara 16.0 Peraturan Am.

14.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan Karnival Sukan Mahasiswa UiTM (KARiSMA) yang berkenaan dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.

TENIS INDIVIDU

1.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Persekutuan Tenis Antarabangsa. Undang-Undang dan Peraturan Persekutuan Tenis Malaysia dan Peraturan-Peraturan Am Karnival Sukan Mahasisiwa UiTM (KARISMA).

2.0 JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan Perseorangan (Single L & W), Bergu L & W (Double), Mixed double.

3.0 PENDAFTARAN PEMAIN /PEMBENTUKAN PASUKAN

3.1 Lelaki / Wanita

3.1.1 Tiap-tiap kampus boleh mendaftarkan maksimum dua (2) pemain perseorangan lelaki serta dua (2) bergu bagi lelaki dan maksimum dua (2) pemain perseorangan wanita serta dua (2) bergu bagi wanita dan dua (2) bergu campuran.

3.1.2 Setiap pemain hanya dibenarkan menyertai satu kategori sahaja.

3.1.3 Senarai pendaftaran pemain hendaklah disertakan kepada Urusetia pertandingan sebelum tarikh undian.

3.1.4 Penambahan kepada senarai pemain tidak dibenarkan semasa taklimat pengurus-pengurus pasukan kecuali hanya dibenarkan pertukaran pemain sahaja iaitu bagipemain yang namanya belum didaftarkan lagi.

4.0 UNDIAN

4.1 Undian untuk acara perseorangan dan bergu akan diadakan semasa mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan dan Pengurus Pasukan.

4.2 Pemain-pemain dari pasukan (kampus) yang sama akan diasingkan dibahagian atas dan bawah (supaya tidak bertemu dipusingan awal).

5.0 PEMAIN PILIHAN (RANKING)

5.1 Pemain-pemain yang pernah mewakili UiTM di dalam Kejohanan MASUM/SUKIPT akan diberikeutamaan sebagaipemain pilihan (seeded player).

5.2 Pemain-pemain yang pernah mewakili negeri atau Negara atau mempunyai rekod cemerlang juga akan diberi keutamaan.

6.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 6.1** Semua pertandingan akan dijalankan secara KALAH SINGKIR.
- 6.2** Pertandingan dari peringkat awal hingga peringkat suku akhir akan dijalankan secara pro-set (8). Jika kedudukan 7-7 perlawanan akan diteruskan sehingga 9-7. Jika kedudukan 8-8 sama, permainan berikutnya adalah 'tie break' untuk menjadikan kedudukan 9-8.
- 6.3** Pertandingan peringkat separuh akhir dan akhir akan dijalankan melalui kiraan 2 + 1 super Tie Brake.
- 6.4** Pada peringkat awal sehingga suku akhir, pengadil yang disediakan adalah secara "Rooming Empire" Pengadil perlawanan hanya akan disediakan di peringkat separuh akhir dan akhir sahaja.
- 6.5** Semua perlawanan akan dijalankan mengikut sistem giliran. Pemain perlu mengetahui nombor perlawanannya, tempat dan nombor gelanggang yang telah ditetapkan.
- 6.6** Pertandingan peringkat separuh akhir dan akhir akan dijalankan melalui 3 set terbaik dan sistem kiraan tambahan, (tie break) akan digunakan jika kedudukan menjadi 6-6.

7.0 PENARIKAN DIRI DAN MENYERAH KALAH/PEMAIN GANTIAN

- 7.1** Pemain gantian hanya boleh disenaraikan sebelum cabutan undi dijalankan.
- 7.2** Setiap pasukan dimestikan menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh dengan sengaja memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan yang akan atau sedang berlangsung. Setiap pasukan dikehendaki meneruskan permainan walaupun telah layak untuk pusingan seterusnya.
- 7.3** Jika berlaku kecederaan sebelum dan semasa perlawanan dan pasukan / individu terlibat memberi kemenangan kepada pihak lawan pemain yang cedera mestilah mendapat pengesahan daripada pegawai perubatan yang disediakan oleh tuan rumah/ jawatankuasa pengelola dan tidak dibenarkan untuk bermain pada peringkat seterusnya.
- 7.4** Pemain yang menarik diri, menyerah kalah akan dikira kalah dengan kedudukan 8-0 ataupun 6-0, 6-0.

8.0 PAKAIAN

Semua pemain tenis dikehendaki memakai pakaian tenis yang sopan dan sempurna.

9.0 KELEWATAN

Semua pemain hendaklah melaporkan diri kepada Pengadil Kehormat setelah namanya diumumkan untuk bermain. Masa selama lima belas (15) minit sahaja diberikan kepada pemain yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberikan kemenangan percuma.

10.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN

Sekiranya pengadil berpendapat bahawa gelanggang tidak sesuai, keadaan cuaca buruk, kekacauan, rusuhan atau kerana hal-hal tidak dijangkakan dan perlawanan tidak dapat dimainkan atau diteruskan, maka perlawanan yang ditunda atau diberhentikan itu hendaklah dilangsungkan pada, tempat dan masa yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola.

11.0 BANTAHAN

Sila rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am.

12.0 JURI RAYUAN

Sila rujuk Perkara 16.0 Peraturan Am.

13.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan Karnival Sukan Mahasiswa UiTM (KARiSMA) yang berkenaan dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.

KARISMA
UiTM CAWANGAN PULAU PINANG
XXVIII 2023